



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 22 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **8,436 kes** (815,293 kes kumulatif, 84.5%);
- Kes baharu : **13,034 kes** (964,918 kes kumulatif);
- Kes import : **25 kes** (19 warganegara, 6 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **13,009 kes** [11,446 warganegara (88.0%); 1,563 bukan warganegara (12.0%)];
- Kes aktif : **142,051 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **938 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **459 kes**;
- Kes kematian : **134 kes** (7,574 kes kumulatif, 0.79%; 119 warganegara, 15 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,361 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **32 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,415 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **946 kluster**.



Daripada **13,034 kes harian** yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **13 kes (0.1 peratus)** adalah daripada kategori 5 (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan), **72 kes (0.5 peratus)** kategori 4 (radang paru-paru dan memerlukan bantuan

oksigen), **124 kes (1.0 peratus)** kategori 3 (radang paru-paru), **5,646 kes (43.3 peratus)** kategori 2 (bergejala ringan), dan **7,179 kes (55.1 peratus)** kategori 1 (tidak bergejala). Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal mereka semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara mereka kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan mereka sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi. Secara keseluruhannya, hanya 1.6 peratus kes yang dilaporkan pada hari ini berada pada kategori 3 hingga 5 dan 98.4 peratus kes berada pada kategori 1 dan 2, iaitu pada mula didiagnosa.

Sebanyak **134 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **39 kes** di Selangor, **32 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **18 kes** di Negeri Sembilan, **15 kes** di Johor, masing-masing **tujuh (7) kes** di Perak dan Melaka, **lima (5) kes** di Pahang, **empat (4) kes** di Kedah, masing-masing **dua (2) kes** di Pulau Pinang, Terengganu, dan Wilayah Persekutuan Labuan, serta **satu (1) kes** di Sabah.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 21 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **21 Julai 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak **1.09**. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Terengganu (nilai R_T 1.31). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan R_T melebihi 1.0 adalah, Kedah (nilai R_T 1.25), Sabah (nilai R_T 1.21), Pulau Pinang (nilai R_T 1.21), Johor (nilai R_T 1.20), Pahang (nilai R_T 1.19), Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai R_T 1.18), Kelantan (nilai R_T 1.18), Selangor (nilai R_T 1.15), Perak (nilai R_T 1.12), Negeri Sembilan (nilai R_T 1.10), Melaka (nilai R_T 1.10), dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai R_T 1.07).

Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 Julai 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 22 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,049 (7)	343,946
WP KUALA LUMPUR	1,611 (8)	103,537
JOHOR	791 (4)	81,782
SABAH	497	77,424
SARAWAK	644 (1)	72,857
NEGERI SEMBILAN	711 (5)	64,795
PULAU PINANG	371	40,489
KELANTAN	240	38,533
KEDAH	701	35,457
PERAK	284	32,426
MELAKA	353	26,641
PAHANG	261	20,100
TERENGGANU	391	13,549
WP LABUAN	24	9,527
WP PUTRAJAYA	100	3,217
PERLIS	6	638
JUMLAH KESELURUHAN	13,034 (25)	964,918

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 134 kes kematian pada 22 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian		Sejarah Penyakit
		Lelaki	Perempuan	WN	BWN	Hospital	BID	
Selangor	39	24	15	36	3	32	7	27
WP Kuala Lumpur	32	19	13	24	8	24	8	26
Negeri Sembilan	18	11	7	18	-	18	-	17
Johor	15	11	4	13	2	13	2	12
Melaka	7	4	3	7	-	5	2	4
Perak	7	3	4	7	-	6	1	6
Pahang	5	3	2	5	-	5	-	4
Kedah	4	1	3	4	-	4	-	3
WP Labuan	2	1	1	1	1	-	2	2
Pulau Pinang	2	1	1	2	-	2	-	2
Terengganu	2	2	-	1	1	2	-	1
Sabah	1	1	-	1	-	1	-	-
Jumlah	134	81	53	119	15	112	22	104

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

* BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 13,034 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 22 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	6,049	199	3,859	7	1,984
WP KUALA LUMPUR	1,611	309	666	8	628
JOHOR	791	319	320	4	148
NEGERI SEMBILAN	711	89	441	5	176
KEDAH	701	96	446	-	159
SARAWAK	644	288	305	1	50
SABAH	497	118	240	-	139
TERENGGANU	391	151	136	-	104
PULAU PINANG	371	81	155	-	135
MELAKA	353	112	167	-	74
PERAK	284	64	130	-	90
PAHANG	261	93	115	-	53
KELANTAN	240	154	51	-	35
WP PUTRAJAYA	100	16	68	-	16
WP LABUAN	24	2	16	-	6
PERLIS	6	-	5	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	13,034	2,091	7,120	25	3,798

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 22 JULAI 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Teratai	Tempat Kerja	Selangor	Klang, Petaling, Kuala Selangor, dan Hulu Langat	255	900
2	Industri Jalan Sungai	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	164	458
3	Industri Jalan Bangi	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	159	214
4	Jalan TTP Satu	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	26	35
5	Tapak Bina Jalan Merah Caga	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	105	199
6	Tapak Bina Jalan Gading	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	73	295
7	Jalan Wangsa Delima	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	20	44
8	Jalan Medan Bunus	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	14	40
9	Teknologi Senai 21	Tempat Kerja	Johor	Kulai	32	145
10	Jalan NIP Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	21	34
11	Tapak Bina Raya	Tempat Kerja	Johor	Muar	17	25
12	Persiaran Cassia Selatan Tujuh	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, dan Barat Daya	26	631
13	Jalan Permatang Pauh	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	12	44
14	Industri Perai Lapan	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	12	82
15	Industri Tunas Baru	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah	44	109

16	Angkasa Nuri	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah dan Melaka Tengah	27	75
17	Industri 3/5 Temerloh	Tempat Kerja	Pahang	Temerloh	23	64
18	Kuala Tahan	Tempat Kerja	Pahang	Jerantut	18	50
19	Dah Perusahaan Lima Industri Kulim	Tempat Kerja	Kedah	Baling, Kulim, Bandar Baharu, dan Kuala Muda	118	194
20	Jalan Demak Laut	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching, Bau, Asajaya, Samarahan, dan Serian	30	186
21	Kuril	Tempat Kerja	Sabah	Kinabatangan	12	97
22	Jalan Cenderai Sembilan	Komuniti	Johor	Johor Bahru	14	30
23	Putri Fasa Enam	Komuniti	Johor	Kulai dan Johor Bahru	14	35
24	Jalan Permas Lapan	Komuniti	Johor	Johor Bahru	11	52
25	Kampung Kuala Gel	Komuniti	Kelantan	Bachok dan Kota Bharu	14	38
26	Kebun Lama	Komuniti	Sabah	Papar dan Kota Kinabalu	27	61
27	Abu Bengang	Komuniti	Sarawak	Saratok	131	193
28	Padang Pulut	Komuniti	Terengganu	Dungun	48	158
29	Jalan GC Satu	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di Bawah KPM	Selangor	Sepang	20	77
30	Jalan Dwitasik Satu	Institusi Pendidikan Swasta Berdaftar di Bawah KPM	WP Kuala Lumpur	Cheras	9	32
31	Dah Kempas	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kedah	Kuala Muda	57	66
32	Taman Kok Doh	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Kepong	9	18

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 21 JULAI 2021**

NEGERI	NILAI R_T
TERENGGANU	1.31
KEDAH	1.25
SABAH	1.21
PULAU PINANG	1.21
JOHOR	1.20
PAHANG	1.19
WP PUTRAJAYA	1.18
KELANTAN	1.18
SELANGOR	1.15
PERAK	1.12
NEGERI SEMBILAN	1.10
MELAKA	1.10
WP KUALA LUMPUR	1.07
SARAWAK	0.95
WP LABUAN	0.73
PERLIS	0
MALAYSIA	1.09